

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 12/4/2016

Muka surat: 2

Tajuk : UNIMAS, MyInnoHub jalankan penyelidikan mengenai sago

UNIMAS, MyInnoHub jalankan penyelidikan mengenai sago

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan My Innovation Hub (MyInnoHub) Kementerian Pendidikan untuk bekerjasama bagi menjalankan penyelidikan mengenai sago dan pembinaan jalan raya di atas tanah gambut.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata MoU yang ditandatangani itu, akan menyaksikan kedua-dua pihak terus terlibat dengan projek yang melibatkan sago dari peringkat hulu iaitu

perladangan, penuaian dan pemprosesan, hinggalah ke peringkat hiliran iaitu pengeluaran glukosa, penyerap bunyi dan barangan lain.

"UNIMAS mengenal pasti sago sebagai produk tempatan di Sarawak yang boleh dijadikan sumber makanan pada masa akan datang. Ia sejenis tumbuhan yang tahan lasak, boleh tumbuh tanpa sebarang masalah dan sesuai dengan iklim khatulistiwa serta tanah di Sarawak.

"Ketika ini, kami ada lebih 30 penyelidik yang memberi tumpuan terhadap sago. Di UNIMAS, kami menubuhkan Pusat bagi Penyelidikan

Sago (CoSAR) untuk menjadi pusat rujukan bagi penyelidikan sago," katanya pada majlis menandatangani MoU itu di UNIMAS semalam.

Prof Mohd Fadzil menandatangani bagi pihak UNIMAS, manakala MyInnoHub diwakili ketua pegawai eksekutifnya Vincent Wong Wai Sang.

Di bawah MoU itu, MyInnohub juga akan membantu Unimas dalam memajukan penyelidikan mengenai pembinaan jalan raya di kawasan tanah gambut melalui menggunakan inovasi baharu Unimas, sistem jalan raya Foam-ERP.

"Ia adalah usaha Unimas untuk membantu kerajaan negeri dalam menyediakan infrastruktur berkualiti di kawasan tanah gambut memandangkan 13 peratus daripada Sarawak adalah tanah gambut, iaitu kira-kira 19 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan tanah jenis itu di Malaysia, dan membina jalan raya di kawasan tanah gambut adalah kerja yang amat sukar.

"Bagi Lebuhraya Pan Borneo sahaja, majoriti pembinaan jalan raya di kawasan tanah gambut melibatkan wilayah selatan," katanya.
- Bernama